

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(III)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB. ONG AH TEONG**

26. Sila senaraikan program-program pendidikan awam yang telah dan sedang dijalankan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) ke arah mendidik orang awam untuk menjaga kebersihan selaras dengan slogan *Cleaner, Greener, Safer, Healthier Penang*.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

26. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah melaksanakan pelbagai program bagi mendidik orang awam untuk menjaga kebersihan selaras dengan slogan *Cleaner, Greener, Safer, Healthier Penang* Kerajaan Negeri. Antara program-program pendidikan awam yang telah dan sedang dijalankan oleh MBPP adalah seperti berikut:

Program Anugerah Sekolah Hijau;

- (ii) Program Kitar Semula anjuran bersama Syarikat *Fraser and Neave* (F&N);
- (iii) Menyertai aktiviti pameran Karnival Hijau setiap tahun;
- (iv) Menjalankan aktiviti *PlogClean* iaitu berlari dan mendaki sambil mengutip sampah sarap sepanjang laluan; dan

- (v) Mempromosikan program dan aktiviti yang sedang dan telah dijalankan di *Facebook* dan laman sesawang MBPP.